

1.0 PANDUAN PAKAIAN KE PEJABAT

1.1 LOUNGE SUIT¹



LELAKI

- Pemakaian kot dan seluar panjang yang diperbuat daripada bahan yang bersesuaian dan padan dari segi corak dan warna. Warna gelap adalah digalakkan.
- Dipadankan dengan kemeja lengan panjang dan hendaklah:
 - dibutangkan atau memakai *cuff link*,
 - lengan baju tidak dilipat
 - dimasukkan ke dalam seluar (*tuck in*)
 - memakai tali leher

¹ Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 “Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Awam”.



WANITA

- Gabungan kot dan seluar panjang / skirt daripada bahan yang bersesuaian dan padan dari segi corak dan warna. Warna gelap adalah digalakkan.
 - Kot - mestilah melebihi paras pinggul
- Skirt/seluar:
 - Skirt paras lutut/skirt labuh
 - Seluar panjang /slack
- Kemeja berlengan (*inner*). Sekiranya berlengan panjang hendaklah dibutangkan.
- Gabungan di atas hendaklah tidak menjolok mata, tidak jarang/nipis, tidak mengikut bentuk badan serta tidak bercorak.



Gabungan Kot dan Skirt Labuh




Gabungan Kot dan Seluar Panjang

1.2 UMUM²



LELAKI



- Kemeja berkollar dan berlengan panjang. Hendaklah dibutangkan atau memakai *cuff link*.
- Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam seluar (*tuck in*) dan lengan tidak boleh dilipatkan.
- Kemeja hendaklah berwarna cerah/pastel (warna tidak terlampau terang).
- Tali leher dan seluar panjang yang digunakan adalah bersesuaian dengan warna kemeja yang dipakai.
- WAJIB memakai tali leher sepanjang waktu pejabat.
- Kemeja berlengan pendek dibolehkan tetapi perlu dimasukkan ke dalam seluar (*tuck in*) dan lengkap bertali leher.
- Bagi gred 26 dan ke bawah, etika berpakaian ke pejabat adalah sama tetapi tidak perlu memakai tali leher.

² Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 “Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Awam”.


Etika Berpakaian Ke Pejabat Bagi Penjawat Awam Gred 26 Dan Ke Bawah



WANITA

- Pemakaian baju kurung adalah digalakkan.
- Fesyen baju kurung hendaklah tidak keterlaluan, tidak ketat dan mengikut kesesuaian.
- Tidak menggunakan fabrik dan jenis kain yang jarang.

Pemakaian Cuff link Bagi Baju Kemeja Berlengan Panjang



Pemakaian Tali Leher Korporat KSM Amat Digalakkan



1.3 TWO/THREE – PIECE PANT SUIT³ (PEGAWAI AWAM WANITA SAHAJA)

- Gabungan 2/3-piece *pant suit* yang terdiri daripada:
 - Kot - mestilah melebihi paras pinggul
 - Skirt/seluar:
 - Skirt paras lutut/skirt labuh
 - Seluar panjang /slack
 - Kemeja berlengan (*inner*)
 - Sekiranya berlengan panjang hendaklah dibutangkan
- Gabungan di atas hendaklah tidak menjolok mata, tidak jarang/nipis, tidak mengikut bentuk badan serta tidak bercorak.



³ Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2013 “Pemakaian Two/Three – Piece Pant Suit Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja”.

Pakaian Yang Bersesuaian Ke Pejabat



1.4 PAKAIAN ALTERNATIF (LELAKI)⁴

- **BAJU KEMEJA BERLENGAN PANJANG**
 - Berkolar baju Melayu cekak musang berbutang tiga/lima
 - Berkolar Nehru berbutang terselindung
 - Berkolar Mandarin berbutang tiga
 - Dipakai dengan seluar panjang. Lengan baju jangan dilipat. Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam seluar (*tuck in*).
- **NEHRU SUIT**
 - Pemakaian Nehru *Suit* sama ada berbutang hadapan atau terselindung.
 - Boleh dipakai semasa bekerja ataupun menghadiri acara rasmi.
 - Diperbuat dari jenis kain dan warna yang sesuai.



Nehru Berbutang Terselindung



Nehru Berbutang Hadapan

⁴ Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2006 “Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Rasmi Semasa Bekerja Dan Menghadiri Upacara Rasmi”.


- **BAJU MELAYU**

- Pemakaian baju melayu lengkap adalah digalakkan pada hari Jumaat.
- Baju Melayu hendaklah dipakai dengan **lengkap** iaitu bersamping, bersongkok hitam dan berbutang.
- Warna baju, seluar dan samping adalah pilihan sendiri tetapi hendaklah bersesuaian.
- Baju Melayu tidak dibenarkan dipakai dengan seluar yang berbeza warna atau jenis bahan.
- Selipar, kasut getah dan kasut sukan tidak dibenarkan.
- Digalakkan memakai capal.



1.5 PAKAIAN ALTERNATIF (PEREMPUAN)⁵

- Penggunaan pakaian kebudayaan kaum lain adalah dibolehkan. Namun begitu, pakaian tersebut harus dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi dan sopan.
 - Contoh: sut punjabi/kebaya/sari/cheongsam
- Selipar, cerpu atau yang sejenis dengannya yang mempunyai bentuk yang sesuai boleh dipakai dengan pakaian yang ditetapkan.



Punjabi Suit

Kebaya Labuh

⁵ Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2006 “Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Rasmi Semasa Bekerja Dan Menghadiri Upacara Rasmi”.

1.6 BAJU BATIK⁶

- Pemakaian baju batik adalah diwajibkan pada setiap hari Khamis.
- Batik yang digunakan hendaklah merupakan **batik Malaysia**.
- Pegawai lelaki perlu memakai baju batik (dibuat seperti kemeja berkollar baju melayu cekak musang berbutang tiga atau lima/berkollar Nehru butang terselindung/berkollar Mandarin berbutang tiga dan berlengan panjang dan berseluar panjang).
- Tidak terpakai kepada pegawai yang dibekalkan dengan pakaian seragam, pegawai yang menghadiri acara-acara rasmi seperti persidangan antarabangsa, perjumpaan dengan pelawat-pelawat asing atau pegawai menghadiri majlis rasmi yang telah menetapkan jenis pakaian tertentu.



⁶ Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 “Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis”.

1.7 BAJU SERAGAM

- Warga KSM yang telah dibekalkan dengan pakaian seragam hendaklah memakai pakaian tersebut semasa bertugas.
- Pakaian yang dibekalkan adalah berbentuk kemeja berlengan panjang/ pendek berwarna cerah/gelap dan dipadankan dengan seluar panjang berwarna gelap.

Contoh-contoh Pakaian Seragam KSM



Pemandu

Pembantu Am Pejabat
(Lelaki)



Pembantu Am Pejabat (Wanita)

2.0 LARANGAN KETRAMPILAN SECARA UMUM DALAM ETIKA BERPAKAIAN⁸

2.1 Larangan Umum

Warga KSM dilarang :-

- i. Memakai pakaian yang menjolok mata;
- ii. Memakai "jeans", slacks dan seluar pendek semasa bekerja;
- iii. Memakai kasut sukan, selipar dan kasut getah semasa bekerja;
- iv. Nafas berbau;
- v. Badan berbau (khususnya bau rokok);
- vi. Rambut berkelemumur;
- vii. Solekan yang berlebihan bagi pegawai wanita;
- viii. Memakai wangian yang tidak sesuai dan berlebihan;
- ix. Pakaian yang menutup muka; dan
- x. Memakai selipar, kasut getah dan kasut sukan semasa bekerja.

2.2 Larangan Khusus Pegawai Lelaki

2.2.1 Kepala

- i. Menindik telinga;
- ii. Mewarnakan rambut;
- iii. Berambut panjang sehingga mencecah telinga;
- iv. Fesyen rambut yang keterlaluan (contoh: *punk*, *Mohawk* dan lain-lain);
- v. Janggut yang tidak kemas dan mencecah butang atas baju;
- vi. Memakai kopiah/serban (kecuali sikh);
- vii. Misai dijaga kemas dan tidak melebihi bahagian atas bibir; dan
- viii. Berkepala botak KECUALI atas sebab genetik/kesihatan atau faktor keagamaan.

⁸ Pekeling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 "Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Awam.

2.2.2 Badan

- i. Memakai sut yang berlainan warna dengan warna seluar kecuali jika memakai *sports-jacket*;
- ii. Memakai tali leher berkarektor kartun atau karektor lain yang tidak sesuai;
- iii. Memakai *bow tie*;
- iv. Memakai lebih dari 1 cincin pada satu tangan;
- v. Berkuku panjang dan tidak bersih;
- vi. Kemeja bercetakkan perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucah, perkauman dan yang seumpamanya;
- vii. Melipat lengan baju kemeja tangan panjang; dan
- viii. Kemeja T (*T-shirt*) (berkollar bulat/tanpa kollar).


2.2.3 Kaki

- i. Selipar/kasut getah dan kasut sukan tidak boleh dipakai semasa bekerja; dan
- ii. “Jeans” atau seluar pendek tidak boleh dipakai semasa bekerja.





Jeans tidak dibenarkan



Lengan baju hendaklah tidak dilipat.

2.3 Larangan Khusus Pegawai Wanita

2.3.1 Kepala

- i. Melepaskan rambut atau tidak disisir rapi (tidak bersanggul); dan
- ii. Mewarnakan rambut.

2.3.2 Badan

- i. Berkuku panjang dan kotor;
- ii. Baju yang mendedahkan di bahagian badan (contoh bahagian dada, pinggul dan lain-lain);
- iii. Pakaian yang ketat, jarang, berleher luas atau fesyen yang tidak sesuai untuk ke pejabat;
- iv. Kemeja berlengan pendek kecuali pakaian seragam/baju korporat yang dibenarkan;
- v. Kemeja bercetak perkataan yang tidak sesuai, logo, gambar atau slogan yang bercirikan unsur politik, ganas, seram, lucah, perkauman dan yang seumpamanya; dan
- vi. Kemeja T (*T-shirt*) (*round neck*) (berkollar bulat/tanpa kollar).

2.3.3 Kaki

- i. Kasut tiada tumit (kecuali atas sebab kesihatan); dan
- ii. Selipar/sandal.

Contoh kasut/sandal/selipar yang tidak dibenarkan.



3.0 AKSESORI

i. Lelaki

- a. Tali Pinggang : Warna tali pinggang sepadan dengan warna kasut.
- b. Pin Tali Leher : Dipakai selari dengan bahagian tengah saku baju.
- c. Kasut bertali dan stokin : kasut yang dipakai mestilah berkilat(bersih) dan berwarna gelap. Stokin yang dipakai juga berwarna gelap dan sepadan dengan warna seluar yang dipakai.
- d. Memakai jam tangan yang sesuai.



ii. Wanita

- a. Rantai/Gelang/Cincin/Anting-Anting/Kerongsang : Sederhana serta tidak terlalu sarat.
- b. Solekan : Mengenakan solekan yang sederhana, tidak keterlaluan dan bersesuaian.
- c. Beg tangan : Beg tangan yang bersesuaian.

Pemakaian barang kemas yang berlebihan adalah tidak sesuai*



iii. Umum

- a. Tanda nama/Pas Keselamatan: Warga KSM mestilah sentiasa memakai tanda nama dan pas keselamatan sepanjang berada di kawasan pejabat ataupun ketika melakukan tugas rasmi di luar pejabat.
- b. Jam tangan : Bersesuaian
- c. Cermin Mata : Bingkai yang bersesuaian
- d. Wangian / Semburan : Pilih bauan yang lembut dan minimal bersesuaian dengan keadaan bagi mengelakkan situasi kurang bersesuaian.

* Sebentuk cincin sahaja bagi sebelah tangan.

4.0 TIPS TAMBAHAN

i. Lelaki dan wanita

- a. Bagi warga KSM yang bertubuh gempal, digalakkan memilih baju bercorak jalur menegak bagi memberi impresi tubuh yang lebih tinggi. Selain itu, baju kurung bercorak bunga besar harus dielakkan bagi wanita yang bertubuh gempal.
- b. Bagi warga KSM yang terlalu kurus, adalah digalakkan untuk memilih baju berjalur melintang dan bermotifkan bunga besar bagi wanita.
- c. Elakkan memakai kemeja daripada fabrik yang jarang dan berkilat.

ii. Wanita

- a. Baju kurung hendaklah tidak melebihi dari 3 kombinasi warna.
- b. Skirt labuh potongan pensil memberikan kesan penampilan yang kemas dan menarik untuk semua potongan tubuh.
- c. Beg tangan : warna beg tangan boleh dipadankan dengan warna kasut. Beg tangan bersaiz sederhana sesuai di bawa ke pejabat, manakala jenis bertali dan kepit (clutch) dipakai jika menghadiri majlis rasmi.




Padanan kasut dan beg tangan yang sepadan.

Clutch sesuai untuk menghadiri majlis.

iii. Wanita Mengandung

- a. Hendaklah memakai baju mengandung yang labuh dan longgar.
- b. Memakai kemeja atau blaus sama ada plain atau bercorak yang melepassi punggung dan dipadankan dengan skirt labuh yang longgar.
- c. Memakai maxi atau jubah labuh.
- d. Memakai kasut atau sandal yang sesuai dan selesa.



RUJUKAN

1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1985 “Pakaian Masa Bekerja Dan Semasa Menghadiri Upacara-Upacara Rasmi Bagi Pegawai-Pegawai Awam”.
2. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2006 “Fesyen Pakaian Alternatif Sebagai Pakaian Rasmi Semasa Bekerja Dan Menghadiri Upacara Rasmi”.
3. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 2008 “Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis”.
4. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 9 Tahun 2013 “Pemakaian *Two/Three – Piece Pant Suit* Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja”.

